

ABT TRACKER

PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

Abstract

Sebuah projek inovasi oleh pasukan TAXPERT SQUAD, Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling



TAXPERT SQUAD

taxpertsquad@gmail.com

1.0 Tajuk Inovasi

ABT Tracker

2.0 Nama Jabatan / Agensi / Institusi

PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

3.0 Pengenalan

3.1 Pejabat Daerah dan Tanah Petaling

Daerah Petaling terletak di tengah-tengah Lembah Klang iaitu bersempadankan Daerah Hulu Selangor di bahagian utara, Daerah Klang di bahagian barat, Daerah Gombak di bahagian timur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di bahagian tenggara, serta Daerah Sepang dan Daerah Hulu Langat di bahagian selatan. Berkeluasan 484.32 km² Daerah Petaling juga merupakan daerah termaju dan pesat membangun di Negeri Selangor.

Ditadbir oleh Pegawai Daerah dan Tanah Petaling yang bertanggungjawab ke atas perkara-perkara dibawah bidang kuasanya termasuk hal ehwal pengurusan tanah. Salah satu peranan penting Pejabat Daerah dan Tanah Petaling (PDT Petaling) adalah menguruskan kutipan cukai tanah dimana daerah ini merupakan penyumbang utama kutipan hasil cukai kepada Kerajaan Negeri Selangor.


Selain itu, Daerah Petaling juga mencatatkan jumlah dan pengumuran Akaun Belum Terima (ABT) tertinggi di antara daerah-daerah dalam Negeri Selangor.

3.2 Kumpulan Inovasi Kreatif (Taxpert Squad)

Pada Januari 2025, satu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Pejabat Daerah dan Tanah Petaling telah diwujudkan dengan nama **Taxpert Squad**. Taxpert Squad terdiri daripada lapan (8) orang ahli yang terdiri daripada kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Petaling pelbagai unit dan kemahiran yang dilantik oleh Pegawai Daerah dan Tanah Petaling. Kumpulan ini telah mengemukakan/mengenalpasti satu kaedah yang boleh diguna pakai dalam usaha untuk meningkatkan hasil kutipan cukai sekaligus mengurangkan/menurunkan jumlah Akaun Belum Terima (ABT) melibatkan cukai tanah.

3.3 Akaun Belum Terima (ABT)

Akaun Belum Terima ialah amaun yang sepatutnya diterima tetapi belum diterima oleh Kerajaan yang wujud daripada peristiwa lampau (*past event*) berasaskan kepada bil/melalui dasar, perjanjian/Keputusan Kerajaan yang berkuat kuasa. Terdapat tiga (3) kategori ABT iaitu ABT daripada pinjaman dan pendahuluan, pelbagai ABT dan ABT Wang Pendahuluan Kontraktor (WPK). Berikut adalah penjelasan ABT mengikut kategori.



Gambarajah 1 : Penjelasan Kategori ABT

Bagi PDT Petaling, ABT yang direkodkan adalah melibatkan ABT Hasil Cukai merangkumi cukai tanah dan cukai petak. Jumlah ABT PDT Petaling pada tahun 2024 sahaja telah mencecah RM195 juta menjadikan ia antara ABT tertinggi di kalangan daerah-daerah di Negeri Selangor. Bagi membantu memudahkan pengurusan ABT di PDT Petaling khususnya di Unit Hasil, Taxpert Squad telah membina satu kaedah untuk mengenal pasti kawasan yang mempunyai tunggakan Cukai Tanah yang tinggi melalui kaedah GIS (*Geographic Information System*).

4.0 Penerangan Hasil Inovasi

4.1 Ringkasan hasil inovasi

ABT Tracker merupakan satu pangkalan data yang dibangunkan dengan menggunakan kaedah Sistem Maklumat Geografi (GIS) untuk mengesan hakmilik-hakmilik di Daerah Petaling yang mempunyai tunggakan cukai tanah melalui paparan peta secara visual. Penggunaan kaedah GIS merupakan penambahbaikan kepada kaedah sedia ada iaitu carian lokasi dibuat melalui senarai di dalam excel dan seterusnya menggunakan sistem etanah untuk mengesan lokasi bagi hakmilik-hakmilik tertunggak.

4.2 Tarikh inovasi dihasilkan

Januari 2025

4.3 Tujuan Projek Inovasi

Tujuan inovasi ini dihasilkan adalah untuk memudahkan pengguna mengesan lokasi yang mempunyai tunggakan yang tinggi melalui kaedah GIS dan tindakan seterusnya dapat diambil dengan mengeluarkan surat peringatan atau meletakkan Van Kaunter Bergerak bagi tujuan mengutip Cukai Tanah yang tertunggak ke lokasi yang telah dikenal pasti mempunyai tunggakan yang tinggi melalui kaedah tersebut.

5.0 Proses pelaksanaan inovasi

Secara khususnya, kaedah pelaksanaan ini akan melibatkan mereka yang menguruskan tunggakan Akaun Cukai Tanah bagi hakmilik-hakmilik di Daerah Petaling. Kaedah ini dapat memendekkan proses kerja pengguna kerana lokasi yang mempunyai tunggakan cukai yang tinggi dapat dikesan melalui GIS tanpa perlu membuat semakan melalui senarai di dalam excel terlebih dahulu. ABT Tracker dicipta secara *in-house* menggunakan perisian Map Info dan Ms Excell.

6.0 Proses sebelum dan selepas


Sebelum Inovasi



1. Pengguna perlu membuat semakan dan mencari lokasi yang mempunyai tunggakan dengan menggunakan senarai dari Ms Excel yang diberikan oleh Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor;
2. Melalui senarai tersebut pengguna akan membuat tapisan mengikut mukim yang dikehendaki;
3. Pilih satu ID hakmilik yang mempunyai tunggakan yang tinggi;
4. Carian seterusnya akan dibuat menggunakan maklumat GIS dalam sistem etanah untuk mengesan lokasi bagi hakmilik tersebut;

5. Setelah lokasi dikesan, pengguna akan membuat semakan bagi hakmilik yang berada di sekitar kawasan berkenaan untuk proses pepadanan dengan data Ms Excel yang diterima daripada BTM PTGS menggunakan nombor ID hakmilik untuk mengenalpasti lokasi yang mempunyai tunggakan;
6. Seterusnya pengguna akan menggunakan peta *google* untuk mengenalpasti alamat hartanah;
7. Sediakan senarai tambahan dalam Ms excel untuk memasukkan alamat harta yang telah dikenalpasti melalui peta *google*;
8. Setelah Alamat hartanah dikenalpasti surat peringatan atau surat hebahan untuk meletakkan van kaunter dikawasan yang bersesuaian akan dikeluarkan

Selepas Inovasi



1. Pengguna akan membuat semakan lokasi yang mempunyai kawasan tunggakan yang tinggi melalui kaedah GIS dengan menggunakan ABT Tracker ;
2. Pemadanan terus boleh dibuat melalui ABT Tracker ;
3. Menjana data yang telah dikenalpasti dan pindah ke Ms Excel; dan
4. Pengguna boleh mengeluarkan surat peringatan atau hebahan untuk meletakkan van kaunter di kawasan yang dirasakan sesuai di lokasi tersebut.

6.1 Kaedah Penyelesaian

Untuk membangunkan pangkalan data ABT Tracker, memerlukan 3 fasa utama seperti berikut :

1. **Fasa I** –Merekabentuk dan membangunkan pangkalan data
2. **Fasa II** – Penggunaan perisian GIS di Pejabat Tanah dan Daerah Petaling

3. **Fasa III** – Membangunkan aplikasi ABT Tracker dalam versi 'Web' dan melaksanakan aplikasi ABT Tracker secara in-house

FASA I – Merekabentuk dan membangunkan pangkalan data GIS

Pembangunan pangkalan data merupakan satu keperluan dalam menjalankan analisis dan pemetaan. Pangkalan data yang akan dibangunkan ini dapat dimanipulasikan bagi membantu melicinkan urusan pentadbiran tanah. Secara umumnya, pangkalan data adalah satu koleksi data yang membolehkan penggunaanya mencapai maklumat yang diperlukan bagi pelbagai kegunaan. Selain itu, data yang berlebihan atau bertindih juga dapat diminimalkan. Keperluan data yang lengkap, tepat dan terbaru merupakan faktor penting bagi mengesan hakmilik-hakmilik di Daerah Petaling yang mempunyai tunggakan cukai tanah melalui paparan peta secara visual.

Semasa peringkat pembangunan pangkalan data ini, data yang telah dikumpulkan akan dikemaskini dan diselaraskan di dalam satu sistem koordinat dan format data. Data-data ini akan disusun secara sistematik di dalam satu pangkalan data. Lapisan data yang dirujuk adalah seperti berikut :

- Lapisan data Hakmilik Tanah
- Lapisan data Sempadan Taman Perumahan
- Lapisan data Sempadan Mukim Pekan dan Bandar
- Lapisan data Tunggakan Cukai Tanah.

FASA II – Penggunaan perisian GIS di Pejabat Tanah dan Daerah Petaling

Perisian GIS yang digunapakai ketika ini di Pejabat Daerah dan Tanah Petaling adalah Mapinfo dan Qgis. Bagi Pembangunan pangkalan data ABT Tracker menggunakan perisian GIS Mapinfo.

7.0 Elemen penurunan kuasa (jika ada)

- 7.1 Kanun Tanah Negara (Akta 828)
- 7.2 Arahan Perbendaharaan
- 7.3 Surat Pekeliling Jabatan Akauntan Negara

8.0 Kumpulan sasar dan skop liputan

Kumpulan sasar dan skop liputan ialah melibatkan Ketua Jabatan, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah), Unit Hasil Pejabat Daerah dan Tanah Petaling dan kakitangan yang terlibat secara langsung dalam menguruskan Akaun Belum Terima (ABT) bagi kutipan Cukai Tanah Daerah Petaling.

9.0 Impak inovasi terhadap kumpulan sasar

9.1 Elemen Inovatif / Kreatif

Wujudnya satu kaedah yang boleh mengenal pasti kawasan yang mempunyai tunggakan Cukai Tanah di Daerah Petaling berdasarkan maklumat hakmilik PDT Petaling.

9.2 Elemen Keberkesanan

Kaedah didapati lebih bersistematik dan teratur, mudah digunakan dan hasil carian lebih pantas. Secara tak langsung memudahkan pengguna dalam menguruskan tugas seharian.

9.3 Elemen Signifikan

Menjimatkan masa dan tenaga kerana proses kerja dapat dikurangkan.

9.4 Elemen Relevan

Dapat menurunkan jumlah ABT dengan bersasar mengikut kawasan. Untuk kutipan dijangkakan peratus peningkatan adalah sebanyak 5% daripada kutipan tahun lps yg melibatkan amaun sebanyak RM8.32 juta

10.0 Pengiktirafan diterima

Tiada

11.0 Gambar-gambar berkaitan

Data Ms Excel dari PTG




Kenalpasti Alamat Hartanah melalui google streetview




Folder ABT Tracker

Maklumat Asas dalam Folder ABT Tracker



Paparan Peta Visual GIS dala Aplikasi GIS Mapinfo



Paparan Maklumat yang dipilih daripada Peta Visual

12.0 Implikasi Kewangan (jika ada)

Setakat ini Taxpert Squad menggunakan perkakasan dan lesen perisian sedia ada. Anggaran Harga Lesen perisian Mapinfo ialah sebanyak RM10,000.00 setahun. Walaubagaimanapun kami akan mempertimbangkan untuk menggunakan perisian Open Source QGIS untuk pembangunan Fasa yang seterusnya.

Disediakan oleh :

Nama : Syafianza Azwan bin Shaiful Bahri

No Telefon: 019-3777333

Emel: syafianzaazwan@selangor.gov.my

taxpertsquad@gmail.com